


KEMENTERIAN KESIHATAN

Maksud Bekalan/Pembangunan 42



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM
23,462,797,400	Cara Langsung 1,338,188,800 Pinjaman 0	24,800,986,200

MISI

Menerajui dan berusaha bersama-sama:

- (i) untuk memudahkan dan membolehkan rakyat mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan, menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga, mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka.
- (ii) untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu mengutamakan pelanggan, saksama, tidak membebankan, cekap, wajar mengikut teknologi, boleh disesuaikan mengikut persekitaran inovatif dengan menekankan sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan (budaya korporat), sifat menghormati maruah insan dan penglibatan masyarakat.

PELANGGAN

Rakyat Malaysia.

OUTCOME

- (i) Peningkatan akses dan kesaksamaan di dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan;
- (ii) Peningkatan tempoh bertindak (*responsiveness*) kepada penyampaian penjagaan kesihatan;
- (iii) Pengurangan mortaliti dan morbiditi yang boleh dielak;
- (iv) Sumber-sumber penjagaan kesihatan digunakan secara optimum; dan
- (v) Peningkatan gaya hidup sihat;

PROGRAM 1 : PENGURUSAN

Objektif – Menyediakan perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan berkesan dari segi pengurusan pentadbiran, sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat, latihan dan kemajuan kerjaya serta khidmat sokongan yang lain ke arah merealisasikan visi dan misi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Aktiviti 1 : Pengurusan Ibu Pejabat/Negeri

Objektif – Melaksanakan perkhidmatan sokongan dan memberi nasihat dalam bidang khidmat pengurusan supaya semua aktiviti Ibu Pejabat KKM dapat dilaksanakan dengan cemerlang bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. Perjanjian Persefahaman (MoU) yang digubal yang mana KKM menjadi satu pihak kepada Perjanjian/MoU tersebut	2	2	2
Bil. aduan terhadap perkhidmatan diselesaikan dalam masa yang ditetapkan	5,200	5,200	4,500
Bil. rang undang-undang dan perundangan subsidiari yang disemak/digubal	25	25	25
Bil. Majlis Peringkat Kebangsaan KKM yang diadakan	10	10	10

Aktiviti 2 : Sumber Manusia

Objektif – Memastikan KKM mempunyai struktur organisasi yang sesuai, efektif dan penggunaan sumber manusia yang optimum, berintegriti, berpengetahuan dan berkemahiran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pewujudan jawatan tahunan	15,700	16,600	17,600
Bil. kajian skim perkhidmatan dan insentif	18	12	12
Bil. urusan perkhidmatan:			
(i) Pengisian jawatan	14,600	15,400	14,800
(ii) Pengesahan lantikan	19,000	15,200	15,200
(iii) Urusan pengesahan dalam perkhidmatan	19,200	15,200	17,200
(iv) Pemberian taraf berpencen	14,500	9,500	11,500
Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara <i>time based</i> bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi dibawa ke Lembaga Kenaikan Pangkat KKM dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pegawai layak	2,423	2,711	2,711

Aktiviti 3 : Kewangan

Objektif – Menjadi organisasi pengurusan kewangan terbaik dalam KKM.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. waran agihan peruntukan KKM	3,150	3,000	3,000
Bil. baucar bayaran bagi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Bahagian Akaun KKM selaku pejabat perakaunan	173,500	193,800	216,000
Bil. perolehan secara tender	319	423	550

Aktiviti 4 : Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan

Objektif – Memastikan KKM mempunyai tenaga manusia yang terlatih dan kompeten bagi menyokong sistem penyampaian kesihatan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. calon ditawarkan Latihan Pra-Perkhidmatan	6,000	6,300	7,000
Bil. Pegawai Perubatan yang ditawarkan Program Sarjana Perubatan.	800	800	800
Peratus Pegawai KKM menghadiri kursus 7 hari setahun (%)	100	100	100

Aktiviti 5 : Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Objektif – Penyedia penyelesaian ICT yang komprehensif bagi menyokong transformasi perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus hospital yang dirangkaikan (%)	100	100	100
Bil. pegawai yang dipersijilkan	100	100	100

Aktiviti 6 : Pembangunan Kompetensi

Objektif – Melaksanakan pembangunan kompetensi dan potensi sebagai usaha membudayakan pembelajaran berterusan dan pembangunan kerjaya personel KKM.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus peperiksaan subjek jabatan bagi penjawat awam dalam tempoh percubaan (%)	100	100	100
Pelaksanaan latihan berasas kompetensi (CBT) kepada semua penjawat kumpulan sokongan	200	200	180

PROGRAM 2 : KESIHATAN AWAM

Objektif – (a) Mempertingkatkan akses dan kesaksamaan perkhidmatan kesihatan primer kepada semua lapisan komuniti; (b) Memastikan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit serta sebarang kejadian kesihatan awam dapat dikawal dengan cepat, tepat dan berkesan; dan (c) Memperkasa komuniti dengan amalan cara hidup sihat melalui kempen penerapan ilmu pengetahuan kesihatan yang terkini dan tepat.

Aktiviti 1 : Pengurusan Kesihatan Awam Ibu Pejabat/Negeri

Objektif – Menyediakan pengurusan dan perkembangan sumber serta dasar Kesihatan Awam yang cekap dan relevan dalam memastikan perkhidmatan kesihatan awam yang berkualiti dan dapat mencapai objektifnya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus anggota Program Kesihatan Awam yang mencapai sasaran menghadiri Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) 7 hari setahun:			
(i) Ibu pejabat (%)	99.9	100	100
(ii) Jabatan Kesihatan Negeri (%)	87.0	100	100
Peratus Pejabat Kesihatan Daerah yang menyediakan perkhidmatan pakar oleh Pakar Perubatan Kesihatan Awam (%)	80	81	82
Peratus kejayaan operasi penguatkuasaan yang dijalankan berbanding operasi yang dirancang (%)	100	100	100
Peratus liputan kawasan Orang Asli yang menerima perkhidmatan doktor udara setiap 2 bulan (%)	60.2	70	75

Aktiviti 2 : Pembangunan Kesihatan Keluarga

Objektif – Meningkatkan dan mengekalkan kesihatan fizikal, mental dan sosial individu, keluarga dan komuniti melalui satu perkhidmatan primer yang mudah dicapai, bersepadu, gender responsif, mesra pelanggan dan berkualiti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kedatangan ke fasiliti kesihatan primer	70,774,859	70,898,000	75,085,000
Peratus liputan ibu yang menerima jagaan kesihatan pra-natal di kemudahan kesihatan awam (%)	82.9	82	82
Peratus liputan pelalian <i>measles</i> dalam kalangan kanak-kanak berumur 12 bulan	95.3	95	95
Jumlah pelanggan mendapat perkhidmatan di luar fasiliti kesihatan	9,130,338	9,449,000	9,620,000
(i) Rumah	6,670,229	6,700,000	6,800,000
(ii) Sekolah	2,434,812	2,723,000	2,793,000
(iii) Institut warga emas dan OKU	25,297	26,000	27,000
Bil. ujian makmal yang dijalankan di klinik kesihatan	100,806,447	115,821,742	127,403,916

Aktiviti 3 : Kawalan Penyakit

Objektif – Mengurangkan morbiditi dan mortaliti yang disebabkan oleh penyakit sehingga ia tidak lagi menjadi masalah kesihatan awam yang utama di Malaysia. Misi Bahagian Kawalan Penyakit adalah untuk menyediakan perkhidmatan perancangan, pemantauan dan penilaian program pencegahan dan kawalan penyakit yang cemerlang, mantap, komited, cekap dan berkesan secara berterusan. Ianya dilaksanakan melalui amalan gaya hidup sihat, langkah promosi, pencegahan, pengesanan dan rawatan awal, pemantauan dan perkhidmatan pemulihan yang efektif dan berkesan. Penglibatan dan penyertaan masyarakat serta perkongsian melibatkan pelbagai sektor adalah perlu dan akan diambil tindakan untuk pelaksanaan yang berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kes denggi yang dilaporkan	120,836	98,100	93,195
Peratus <i>Tuberculosis</i> (TB) <i>case detection rate</i> (%)	91.0	95.0	95.0
Bil. kadar notifikasi kes <i>Human Immunodeficiency Virus</i> (HIV) baru bagi setiap 100,000 penduduk	10.9 per	11.0 per	11.0 per
Peratus pesakit diabetes <i>type 2</i> yang mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan KKM yang mencapai HbA1c kurang dari 6.5% (%)	20.4	22.0	24.0

Aktiviti 4 : Pendidikan Kesihatan

Objektif – Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran, membentuk sikap positif masyarakat serta menggalakkan amalan cara hidup sihat melalui aktiviti promosi kesihatan yang berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. aktiviti Bual Bicara Kesihatan melalui televisyen	39	36	36
Bil. tajuk bahan-bahan bercetak Pendidikan Kesihatan yang diterbitkan	142	90	90
Bil. <i>Hits</i> Pengguna Portal <i>MyHealth</i>	1,900,000	2,250,000	2,250,000
Bil. Projek COMBI Denggi baharu yang dilaksanakan oleh komuniti	344	114	114

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus liputan sekolah rendah yang menubuhkan Kelab Doktor Muda (%)	32	35	38

Aktiviti 5 : Pemakanan

Objektif – Meningkatkan status pemakanan rakyat Malaysia dan menurunkan *prevalent* penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus bayi pada umur enam bulan yang menyusu susu ibu secara eksklusif (%)	49.4	50	54
Peratus kanak-kanak bawah lima tahun yang mempunyai masalah berat badan (%)	2.5	2.6	2.5
Peratus murid tahun enam yang mempunyai masalah obesiti (%)	9	8.8	8.7
Peratus ibu hamil anemia (hemoglobin bawah 11g/dl) pada minggu ke-36 kehamilan (%)	8.2	9	8

Aktiviti 6 : Farmasi dan Bekalan Kesihatan Awam

Objektif – Meningkatkan akses kepada ubat, vaksin, bukan ubat dan reagen secara sama rata melalui pengurusan kewangan yang berkesan serta memastikan penggunaan ubat-ubat penting yang selamat, berkesan, berkualiti dan secara rasional bagi memperbaiki kesihatan rakyat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus fasiliti dengan pegangan stok ubat optima 1-3 bulan (%)	60	70	80
Peratus fasiliti dengan pegangan stok vaksin optima 1-2 bulan (%)	60	70	80
Peratus preskripsi yang diterima di klinik kesihatan berbanding tahun sebelumnya (%)	0.43	1.00	1.50

PROGRAM 3 : PERUBATAN

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan perubatan yang komprehensif, berkesan, mudah diperolehi, selesa, berteknologi sesuai serta meningkatkan piawaian kualiti ke arah kecemerlangan kepada pesakit yang memerlukan perkhidmatan; dan (b) Memastikan Pengamal Perubatan dan Anggota Perubatan yang terlatih, berkebolehan, kompeten, mahir dan berpengetahuan tinggi dalam usaha untuk memberi perkhidmatan perubatan yang selamat dan menyeluruh merangkumi perkhidmatan promotif, pencegahan, pemulihan dan rehabilitasi selaras dengan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

Aktiviti 1 : Pengurusan Perubatan Ibu Pejabat/Negeri

Objektif – Merancang, menyelaraskan, mengawasi dan menilai pelaksanaan program rawatan perubatan agar lebih cekap, berkesan dan mudah diperolehi oleh pelanggan serta memastikan aduan yang berkaitan dan aktiviti penguatkuasaan dikendalikan seperti mana yang ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. klinik perubatan swasta yang berdaftar	7,146	7,360	7,580
Bil. hospital swasta yang berlesen	183	188	194
Bil. <i>Annual Practising Certificate</i> (APC) yang dikeluarkan kepada pegawai perubatan	94,780	97,620	100,500
Bil. APC yang dikeluarkan kepada jururawat	25,000	25,750	26,500

Aktiviti 2 : Pengurusan Hospital

Objektif – Memastikan bahawa semua jenis perkhidmatan yang disediakan di hospital adalah bersesuaian dan cekap di samping membantu aktiviti-aktiviti lain agar dapat mencapai objektif yang ditentukan melalui pengurusan rekod perubatan pesakit, penyediaan statistik dan laporan perubatan pesakit dapat diuruskan dengan lebih sistematik.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. rekod perubatan yang diuruskan (jumlah termasuk pesakit)	2,535,802	2,611,900	2,690,000
Bil. rawatan pesakit luar	20,554,530	21,171,200	21,806,300

Aktiviti 3 : Kecemasan dan Pesakit Luar

Objektif – Perkhidmatan Perubatan Kecemasan dan Trauma merupakan perkhidmatan yang disediakan 24 jam sehari. Skop perkhidmatan yang disediakan adalah merangkumi dua (2) aspek iaitu: (a) Perkhidmatan di luar hospital, iaitu Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulan. Ia termasuk ambulan respons kepada panggilan 999, *interfacility transfer*, respons kepada kejadian bencana dan pasukan perlindungan perubatan. Perkhidmatan ini adalah penting dalam menentukan prognosis pesakit tersebut di mana rawatan definitif diberikan di lapangan pada masa yang tepat pada kadar yang segera sebelum ianya dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut; dan (b) Perkhidmatan di dalam hospital di mana ia merangkumi perkhidmatan saringan pesakit sebelum dirawat di zon yang sesuai, rawatan kecemasan dan definitif kepada pesakit yang mengalami kemalangan jalan raya atau kemalangan di tempat kerja dan pesakit yang mengalami masalah perubatan, rawatan untuk pesakit di wad pemerhatian di Jabatan Kecemasan dan Trauma, rawatan untuk mangsa penderaan fizikal dan seksual serta mangsa keganasan rumah tangga.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit baharu di Jabatan Kecemasan	7,391,624	7,613,400	7,842,000
Bil. pesakit ulangan di Jabatan Kecemasan	547,455	564,000	581,000

Aktiviti 4 : Rawatan Pesakit Dalam

Objektif – Menyediakan perkhidmatan diagnosa penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian, mencukupi, selesa, berkesan dan mudah diperolehi oleh orang ramai yang memerlukan *institutional care*.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit dalam	2,535,802	2,611,900	2,690,000
Bil. pembedahan	1,076,884	1,109,200	1,142,500

Aktiviti 5 : Perubatan Am

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik-klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*) bagi pesakit dewasa melibatkan perkhidmatan kepakaran hematologi, perubatan paliatif, hepatologi, gastroentorologi, rheumatologi, penyakit berjangkit, geriatrik dan endokrinologi; (b) Menyediakan perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan; (c) Untuk mengembalikan keadaan pesakit-pesakit dengan masalah kompleks yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik kepada keadaan optimum; (d) Memberi rawatan, menstabilkan dan berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga; (e) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada doktor dan paramedik serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga; dan (f) Memastikan semua pesakit di bawah kategori perubatan am yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sepatutnya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	1,189,978	1,225,700	1,262,500
Bil. pesakit dalam	635,010	654,100	673,700

Aktiviti 6 : Pembedahan Am

Objektif – (a) Memulihkan pesakit yang menghidap penyakit yang memerlukan rawatan pembedahan supaya mencapai taraf kesihatan yang optima; (b) Mengurangkan kadar infeksi selepas pembedahan; (c) Mengurangkan komplikasi dan ketidakselesaian kepada pesakit semasa menerima rawatan pembedahan; dan (d) Meningkatkan kesedaran orang ramai akan pentingnya mendapatkan rawatan perubatan secepat mungkin serta lebih bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan masing-masing.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (Pembedahan Am)	762,327	785,200	808,800
Bil. pesakit dalam (Pembedahan Am)	221,143	227,800	234,600
Bil. pembedahan am	319,643	329,200	339,100
Bil. pembedahan vascular	3,045	3,140	3,230

Aktiviti 7 : Obstetrik dan Ginekologi

Objektif – Menyediakan perkhidmatan rawatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) termasuk sub-kepakaran bagi memastikan kejayaan kelahiran bayi dan keselamatan ibu bersalin (obstetrik), khususnya kes-kes obstetrik yang berisiko tinggi dan memulihkan pesakit-pesakit yang mengalami masalah sakit puan (ginekologi) bagi mencapai tahap kesihatan selaras dengan piawaian-piawaian yang telah ditetapkan dengan mengambil kira keperluan gender.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kemasukan pesakit obstetrik setahun	546,852	563,300	580,200
Bil. kemasukan ibu bersalin setahun	387,146	398,800	410,800
Bil. kelahiran bayi	387,146	398,800	410,800
Bil. pesakit klinik pakar O&G	719,106	740,700	763,000
Bil. pembedahan <i>Lower Section Caesarian Section</i> (LSCS)	86,169	88,750	91,400

Aktiviti 8 : Pediatrik

Objektif – (a) Mengurangkan kadar kematian bayi (*Infant Mortality Rate*) terutama yang baru dilahirkan dan mengembalikan keadaan kesihatan yang optima dan mengurangkan kesan-kesan jangka panjang penyakit-penyakit yang dihadapi oleh kanak-kanak; dan (b) Mengenal pasti penyakit yang dihadapi oleh remaja lelaki dan perempuan, memberi rawatan komprehensif serta memberi pendidikan dan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan dan perawatan kepada pesakit, ibu bapa dan keluarga ke arah mempertingkatkan rawatan, penyembuhan dan pemulihan kepada pesakit-pesakit remaja selaras dengan *evidence based medical practice*.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	590,885	608,600	626,850
Bil. pesakit dalam	368,101	379,140	390,500

Aktiviti 9 : Ortopedik

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan diagnosis, pengurusan terapeutik dan rehabilitasi yang bermutu tinggi kepada pesakit yang mengalami trauma dan penyakit yang berhubung dengan sistem otot rangka dan penggerak; (b) Memberi perkhidmatan latihan dalam bidang ortopedik, trauma dan rehabilitasi kepada pegawai perubatan, paramedik dan lain-lain kakitangan; dan (c) Menggalakkan dan menjalankan program penyelidikan dan perkembangan (dari aspek teknologi dan tenaga manusia) dalam bidang ortopedik, trauma dan rehabilitasi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	990,989	1,020,700	1,051,300
Bil. pesakit dalam	143,872	148,200	152,600
Bil. pembedahan	304,651	313,800	323,200

Aktiviti 10 : Anestesiologi dan Rawatan Rapi

Objektif – Memberikan rawatan pra pembiusan, pembiusan semasa pembedahan dan selepas pembedahan serta rawatan rapi yang komprehensif dan efektif kepada pesakit-pesakit agar kembali pulih dan hidup dengan kualiti yang tinggi selaras dengan piawaian atau standard perubatan diamalkan di Malaysia dan antarabangsa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit dewasa dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)	44,382	45,700	47,100
Bil. pesakit luar klinik Anesthesia	65,782	67,800	69,800

Aktiviti 11 : Oftalmologi

Objektif – (a) Memberi perkhidmatan oftalmologi yang berkesan dan cekap supaya kes-kes kecacatan penglihatan yang boleh dielakkan dapat dikurangkan; dan (b) Memperbaiki keadaan pesakit yang kurang daya penglihatan serta mereka yang menghadapi penyakit mata yang lain selaras dengan perkembangan terkini.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	1,074,500	1,106,700	1,139,900
Bil. pesakit dalam	38,364	39,500	40,700
Bil. pembedahan elektif	67,590	69,600	71,700
Bil. pembedahan kecemasan	8,839	9,100	9,400

Aktiviti 12 : Otorinolaringologi (ENT)

Objektif – Memberikan rawatan pembedahan ENT yang komprehensif dan efektif kepada pesakit yang mengalami masalah telinga, hidung dan tekak agar dapat meningkatkan kualiti hidup, kadar pertumbuhan dan pemulihan serta tahap kesedaran selaras dengan piawaian atau standard perubatan dan pembedahan ENT yang diamalkan di Malaysia dan antarabangsa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	614,224	632,650	651,600
Bil. pesakit dalam (kemasukan wad)	22,229	22,900	23,600
Bil. pembedahan	55,432	57,100	53,800

Aktiviti 13 : Dermatologi

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*) bagi pesakit dermatologi; (b) Menyediakan perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan; (c) Mengembalikan keadaan pesakit dengan masalah kompleks yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik kepada keadaan kesihatan optima; (d) Memberi rawatan, menstabilkan dan berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga; (e) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada para doktor dan paramedik serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga; (f) Memastikan semua pesakit

dermatologi yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sewajarnya; (g) Mengurangkan kejadian morbiditi, mortaliti, kesusahan sosial/kosmetik dan kehilangan produktiviti akibat penyakit dermatologi; dan (h) Mengurangkan insiden kejadian penyakit dermatologi serta komplikasi yang berlaku.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (baharu)	60,516	65,100	69,900
Bil. pesakit luar (ulangan)	251,918	270,800	291,100
Bil. pesakit dalam	964	1,000	1,100
Bil. pesakit dalam (Merujuk kepada kemasukan di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN))	78	85	90

Aktiviti 14 : Neurologi

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan diagnosa, rawatan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan dan memastikan semua pesakit yang menghidap penyakit neurologi yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sewajarnya; dan (b) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada para doktor dan paramedik serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	42,934	44,200	45,500
Bil. pesakit dalam	5,333	5,500	5,670

Aktiviti 15 : Nefrologi

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan diagnosa, rawatan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan dan memastikan semua pesakit buah pinggang yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sewajarnya; (b) Menyediakan perkhidmatan hemodialisis dan *Continuos Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) bagi pesakit kegagalan buah pinggang peringkat akhir; dan (c) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada para doktor dan paramedik serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (baharu)	13,704	14,100	14,500
Bil. pesakit luar (ulangan)	158,351	163,100	168,000
Bil. pesakit rawatan Hemodialisis	769,800	792,900	816,700

Aktiviti 16 : Pembedahan Neuro

Objektif – Memberikan rawatan kepada pesakit yang menghidapi penyakit atau keadaan yang berkaitan dengan sistem otak dan saraf yang memerlukan rawatan secara pembedahan atau rawatan sewajarnya secepat mungkin.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	47,440	48,900	50,400
Bil. pesakit dalam	9,820	10,100	10,400
Bil. pembedahan	11,637	11,990	12,350

Aktiviti 17 : Urologi

Objektif – Memberikan rawatan pembedahan urologi yang komprehensif dan efektif kepada pesakit yang mengalami masalah penyakit genitourinari agar dapat meningkatkan kualiti hidup, kadar penyembuhan dan pemulihan serta tahap kesedaran selaras dengan piawai-piawain atau standard perubatan dan pembedahan urologi yang diamalkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	137,092	141,200	145,400
Bil. pesakit dalam (kemasukan wad)	15,761	16,200	16,690
Bil. pembedahan	24,928	25,700	26,500

Aktiviti 18 : Pembedahan Plastik

Objektif – Memberi rawatan kepakaran pembedahan plastik dan rekonstruktif kepada pesakit yang mempunyai kecacatan semula jadi sejak lahir (*congenital*) atau yang disebabkan oleh kecederaan (*acquired*) atau menghidap penyakit tertentu seperti ketumbuhan melalui pembedahan rekonstruktif supaya pesakit boleh menjalani kehidupan secara normal.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	53,456	55,100	56,800
Bil. pesakit dalam	3,756	3,870	3,990
Bil. pembedahan elektif	7,477	7,700	7,930
Bil. pembedahan kecemasan	2,885	2,970	3,060

Aktiviti 19 : Radioterapi dan Onkologi

Objektif – Merawat pesakit kanser melalui rawatan kemoterapi dan radioterapi dengan tujuan menyembuhkan kesan penyakit kanser, termasuk aspek-aspek rawatan paliatif seperti psikologi, kaunseling dan *hospice care*.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	107,045	110,300	113,600
Bil. pesakit dalam	25,576	26,340	27,130

Aktiviti 20 : Pengimejan Diagnostik

Objektif – Menyediakan perkhidmatan pengimejan diagnostik yang cekap, tepat, berkualiti, berteknologi dan berkesan bagi menyokong perawatan pesakit.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pemeriksaan radiografi am	5,782,954	5,956,400	6,135,100
Bil. Tomografi Berkomputer (<i>Computed Tomography - CT Scan</i>)	375,410	386,700	398,300
Bil. pengimejan <i>Magnetic Resonance Imaging</i> (MRI)	58,113	59,860	61,660
Bil. ultrasonografi	749,466	771,950	795,110

Aktiviti 21 : Patologi

Objektif – Menyediakan perkhidmatan makmal yang sempurna, berkesan dan menyeluruh bagi memastikan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan bagi menyokong kepada rancangan program rawatan perubatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. ujian mikrobiologi	32,737,847	33,720,000	34,731,600
Bil. ujian patologi kimia (merujuk kepada <i>bio-chemistry</i>)	178,363,337	183,714,200	189,225,600
Bil. ujian hematologi	52,554,322	54,130,950	55,754,900
Bil. ujian patologi anatomik	3,037,160	3,128,300	3,222,150

Aktiviti 22 : Farmasi dan Bekalan

Objektif – Memastikan semua pesakit memperoleh ubat yang ditetapkan (*prescribed*) dalam kualiti dan kuantiti yang berpatutan dan dalam tempoh masa yang sesuai serta memberi keterangan penggunaan yang berkaitan dengan ubat tersebut.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. preskripsi untuk pesakit luar	48,650,000	50,400,000	52,210,000
Bil. preskripsi untuk pesakit dalam	18,600,000	21,390,000	24,600,000

Aktiviti 23 : Dietetik dan Sajian

Objektif – Untuk memastikan makanan dan perkhidmatan klinikal serta promosi kesihatan pemakanan dilaksanakan secara berkualiti dengan mengutamakan pelanggan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar yang diberi nasihat pemakanan	57,611	59,300	61,100
Bil. pesakit dalam yang diberi nasihat pemakanan	124,823	128,570	132,400

Aktiviti 24 : Kardiotorasik

Objektif – Menyediakan perkhidmatan pembedahan kardiotorasik, kardiologi dan anestesia perfusi yang komprehensif untuk rakyat Malaysia supaya dapat mengurangkan *morbidity* dan *premature mortality* yang disebabkan oleh penyakit jantung yang boleh dirawat secara pembedahan atau perubatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	27,411	28,200	29,040
Bil. pesakit dalam	2,583	2,660	2,740
Bil. pembedahan	2,253	2,320	2,390

Aktiviti 25 : Perubatan Nuklear

Objektif – Meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan nuklear dari segi diagnosa, rawatan dan pemulihan yang berkualiti, tepat serta moden kepada pesakit agar mencapai tahap pemulihan yang optima.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar	107,045	110,260	113,570

Aktiviti 26 : Perubatan Respiratori

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*) bagi pesakit respiratori dewasa; (b) Menyediakan perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan; (c) Untuk mengembalikan keadaan pesakit dengan masalah kompleks yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik kepada keadaan kesihatan optima; (d) Memberi rawatan, menstabilkan dan berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga; (e) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada para pekerja sosial serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga; dan (f) Memastikan semua pesakit di bawah kategori respiratori yang menerima rawatan di hospital mendapat rawatan yang sewajarnya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (baharu)	39,310	40,500	41,700
Bil. pesakit luar (ulangan)	214,774	221,200	227,800
Bil. pesakit dalam	13,362	13,760	14,170

Aktiviti 27 : Psikiatri dan Kesihatan Mental

Objektif – (a) Menyediakan perkhidmatan pesakit luar di klinik pakar dan pesakit dalam (*in-patient*) bagi pesakit psikiatri dan kesihatan mental; (b) Menyediakan perkhidmatan diagnosa, rawatan, pencegahan, penjagaan dan pemulihan yang bersesuaian serta berkesan; (c) Untuk mengembalikan keadaan pesakit dengan masalah kompleks yang tidak boleh dirawat di jabatan pesakit luar am atau poliklinik kepada keadaan kesihatan optima; (d) Memberi rawatan, menstabilkan dan berusaha mengurangkan penyakit serta beban yang dialami oleh pesakit dan ahli keluarga; (e) Memberi pendidikan dan latihan yang berterusan kepada para doktor dan paramedik serta pendidikan kesihatan kepada pesakit dan keluarga; (f) Memberikan rawatan yang berkesan dan sempurna kepada pesakit di dalam wad dan klinik supaya kembali pulih; (g) Mengurangkan kadar kemasukan semula pesakit ke wad dan mengurangkan masa tinggal di wad; dan (h) Meningkatkan perkhidmatan rawatan pesakit psikiatri dan kesihatan mental di komuniti dan klinik kesihatan dengan melaksanakan

perawatan di dalam komuniti yang lebih meluas dengan penglibatan ahli keluarga dalam perawatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit luar (baharu)	34,699	35,740	36,800
Bil. pesakit luar (ulangan)	553,257	569,850	586,900
Bil. pesakit dalam	18,286	18,830	19,400

Aktiviti 28 : Perubatan Rehabilitasi dan Perubatan Tradisional dan Komplimentari (TCM)

Objektif – Membantu menyediakan pesakit yang kurang upaya dengan kemahiran berdikari yang tinggi dari segi fizikal, psikologi, sosial dan emosional supaya fungsi dan tahap keupayaan dapat dikembalikan ke tahap asal atau sekurang-kurangnya ke tahap optimum.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pesakit dalam (pemulihan anggota)	441,597	454,800	468,400
Bil. pesakit luar (pemulihan anggota)	554,695	571,340	588,480
Bil. pesakit luar (pemulihan cara kerja)	331,527	341,500	351,700
Bil. pesakit dalam (pemulihan cara kerja)	119,145	122,720	126,400

Aktiviti 29 : Perubatan Transfusi Darah

Objektif – (a) Mewujudkan dan mengekalkan penderma-penderma darah sukarelawan yang selamat dari kumpulan berisiko rendah dari segenap lapisan masyarakat; (b) Menyediakan komponen dan produk darah yang selamat, mencukupi dan berkualiti serta melaksanakan amalan prosedur saringan, pemprosesan, penstoran dan keserasian darah mengikut piawaian antarabangsa; (c) Memastikan penjagaan pesakit yang optima melalui penggunaan komponen dan produk darah yang sesuai, rasional dan selamat; (d) Mewujudkan rangkaian Perkhidmatan Transfusi Perubatan di seluruh negara bagi menjamin akses yang saksama, produk berkualiti yang mencukupi dan memenuhi ketepatan masa bersesuaian dengan keperluan pesakit; (e) Mewujudkan dan mengekalkan hubungan kerjasama melalui kerjasama/kolaborasi, latihan, penyelidikan dan pembangunan sejajar dengan keperluan amalan dan teknologi terkini dalam bidang perubatan terkini; (f) Menyumbang kepada perkhidmatan *cell therapy* melalui Tabung Darah Tali Pusat, ujian penjenisan HLA mengikut piawaian antarabangsa serta pencarian sel stem melalui National *Stem Cell Coordinating Centre* (NSCCC); dan (g) Menyediakan perkhidmatan diagnostik dalam bidang transfusi darah, hemostasis dan hematologi yang tertentu.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kutipan darah	704,054	725,200	750,00
Bil. ujian saringan darah:			
(i) melalui ujian serologi	704,054	725,200	750,000
(ii) asid nukleik/ <i>Nucleic Acid Testing</i> (NAT)	410,807	423,100	525,000

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. komponen darah dan produk fraksinasi yang dihasilkan			
(i) komponen darah	1,697,643	1,748,600	1,801,100
(ii) <i>Biostate (Factor VIII)</i>	15,679	16,150	16,600
(iii) <i>Prothrombinex (PCC)</i>	8,778	9,040	9,300
(iv) Albumex (Albumin)	40,285	41,500	42,700
(v) Intagam (IVIG)	70,190	72,300	74,500
Bil. pesakit yang dibekalkan darah di fasiliti KKM	388,851	400,500	412,500
Bil. darah tali pusat yang berjaya disimpan	1,447	1,490	1,530

Aktiviti 30 : Perubatan Forensik

Objektif – Menyediakan perkhidmatan perubatan forensik yang cekap, berkesan bagi menampung sistem perundangan serta meningkatkan piawai kualiti sejajar dengan kemajuan teknologi dan menyediakan perkhidmatan yang unggul ke arah kecemerlangan program rawatan perubatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. bedah siasat (<i>post mortem</i>) yang dilakukan	14,378	14,800	15,200
Bil. kematian dalam hospital KKM	63,835	65,750	67,700
Bil. kes <i>brought in dead</i> di hospital KKM	18,155	18,700	19,260
Bil. permohonan laporan bedah siasat	13,140	13,500	13,900

PROGRAM 4 : PENYELIDIKAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL

Objektif – Memastikan kesemua program kesihatan KKM disokong dengan bukti daripada penyelidikan dan memberikan khidmat nasihat serta perundingan teknikal melalui: (a) Melaksanakan aktiviti penyelidikan berdasarkan keperluan bidang keutamaan penyelidikan kesihatan KKM dalam menjana ilmu pengetahuan baharu yang berinovasi untuk menggubal dan menilai dasar kesihatan; (b) Melaksanakan aktiviti kejuruteraan untuk memberi khidmat perundingan dan khidmat nasihat teknikal kepada program-program kesihatan; dan (c) Merancang, melaksana, memantau dan menilai semua projek pembangunan KKM.

Aktiviti 1 : Pengurusan Penyelidikan dan Sokongan Teknikal Ibu Pejabat/Negeri

Objektif – Merancang, membangun, mengawal dan menyelaras segala aktiviti penyelidikan dan sokongan teknikal di KKM.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus projek penyelidikan yang diluluskan peruntukan mengikut bidang keutamaan kesihatan RMK (%)	93.5	95	95
Bil. projek tamat yang berpotensi dijadikan polisi	8	10	10
Peratus pematuhan parameter keseluruhan dalam sampel bekalan air awam (%)	98	97	97

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pembangunan hasil kajian dengan <i>stakeholders</i> oleh <i>Malaysia Health System Research</i> (MHSR)	-	50	20

Aktiviti 2 : Kejuruteraan

Objektif – Merancang, melaksana, mengawas, menyelaras dan menilai aktiviti kejuruteraan kesihatan persekitaran, kejuruteraan kemudahan kesihatan dan keselamatan sinaran (perubatan) bagi meningkatkan mutu perkhidmatan serta menjamin keberkesanannya.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 304 mengikut tempoh yang ditetapkan dengan syarat permohonan lengkap (%)	99.13	90	90
Peratus peralatan yang mencapai <i>uptime</i> bagi Kejuruteraan Fasiliti dan Biomedikal (%)	97.34	92	92

